

DASAR KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG MODAL PUSINGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (TMP-SKM)

1. PENGENALAN

- 1.1. Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Jabatan Pembangunan Koperasi telah diwujudkan dengan rasminya pada 28 November 1985, bagi meneruskan aktiviti pemberian pinjaman/pembentangan kepada koperasi yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia sejak 1978.
- 1.2. Mulai 1 Januari 2008 pelaksanaan aktiviti ini diteruskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia selepas Jabatan Pembangunan Koperasi dijadikan pertubuhan perbadanan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] dan pada 7 Julai 2020, nama Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Jabatan Pembangunan Koperasi juga telah ditukarkan kepada Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- 1.3. Penentuan dasar pinjaman/pembentangan ini merupakan kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia seperti yang dinyatakan di para 4.1 Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- 1.4. Objektif Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah seperti berikut:
 - 1.4.1. memberi kemudahan pinjaman/pembentangan kewangan kepada koperasi bagi melaksanakan atau meneruskan projek-projek yang berdaya maju;
 - 1.4.2. menggalakkan koperasi melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan keusahawanan yang memberi manfaat kepada anggota; dan
 - 1.4.3. membantu mengukuhkan modal perniagaan koperasi.

2. KELAYAKAN PEMOHON

- 2.1. (a) Koperasi telah didaftarkan tidak kurang daripada lapan belas (18) bulan; atau
- (b) Bagi mana-mana skim atau produk pembentangan khas yang diperkenalkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, semua koperasi yang berdaftar.

- 2.2. Koperasi hendaklah mengurus dan mengemas kini perakaunannya dengan teratur dan penyata kewangan semasanya telah diaudit.
- 2.3. Koperasi telah mengadakan mesyuarat agung bagi tahun semasa.
- 2.4. Koperasi hendaklah mematuhi Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan, Perintah, Arahan, Garis Panduan, Surat Pekeliling, Notis dan undang-undang kecil Koperasi.
- 2.5. Projek yang akan dilaksanakan adalah berdaya maju (viable) dan Koperasi tidak mengalami kerugian operasi selama dua tahun berturut-turut.

3. PERLAKSANAAN PROJEK YANG DIBIAYAI

- 3.1. Projek hendaklah dilaksanakan oleh koperasi sendiri.
- 3.2. Pinjaman/pembayaran yang diluluskan hendaklah digunakan bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran. Sebarang perubahan tujuan penggunaan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

4. PINJAMAN/PEMBIAYAAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

- 4.1. Pinjaman/pembayaran untuk membiayai projek yang dilaksanakan oleh subsidiari koperasi atau pihak lain.
- 4.2. Pinjaman/pembayaran untuk tujuan pelaburan dalam saham.
- 4.3. Pinjaman/pembayaran untuk projek yang bertentangan dengan hukum Syarak.
- 4.4. Kos projek yang dibiayai adalah tidak melebihi 90%.
- 4.5. Pinjaman/pembayaran tidak mempunyai cagaran tambahan sebanyak 50% daripada jumlah pembayaran bagi pembelian jentera/kenderaan yang melebihi RM200,000.00.
- 4.6. Pinjaman/pembayaran projek yang akan dilaksanakan adalah tidak berdaya maju (*not viable*).
- 4.7. Pinjaman/pembayaran projek tidak memberi manfaat kepada koperasi dan anggota.

5. JENIS-JENIS PINJAMAN/PEMBIAYAAN

5.1. Modal Pusingan

- a) Perkhidmatan kewangan
- b) Pemborongan dan peruncitan
- c) Pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan
- d) Pertanian dan industri asas tanah
- e) Perladangan
- f) Pembangunan harta tanah dan industri pembinaan

5.2. Pemilikan dan Pembangunan Hartanah

- a) Pinjaman/pembentangan sementara jual (*bridging finance*)
- b) Membayar premium/cukai/kerja ukur
- c) Perbelanjaan awal pembangunan harta tanah
- d) Membeli tanah/bangunan/kilang
- e) Mengubah suai/membuat pulih/membina bangunan

5.3. Perladangan/Ternakan/Pertanian

- a) Membeli tanah/ladang dan membayar premium
- b) Pembangunan ladang dan ternakan

5.4. Kenderaan/Jentera

- a) Membeli kenderaan/jentera

5.5. Tebus Hutang (*Redemption*)

- a) Tebus hutang pinjaman/pembentangan sedia ada dengan institusi kewangan lain

6. TEMPOH BAYARAN BALIK

6.1 Tempoh bayaran balik bagi pinjaman/pembentangan yang melebihi RM50,000.00 sehingga had maksimum adalah tidak melebihi 300 bulan (25 tahun).

Jenis Pembiayaan	Had Pembiayaan	Tempoh Pembiayaan
Cagaran 10%	Kurang daripada RM50,000	60 bulan
Bercagar Hartanah dan/atau Simpanan Tetap	RM50,001 hingga RM30 juta	300 bulan
Bercagar BPA/PGM (Aktiviti kredit)	Tertakluk kepada kelulusan	120 bulan
Bercagar Kenderaan dan/atau Simpanan Tetap	Tertakluk kepada kelulusan	84 bulan

Program Khas	Tertakluk kepada kelulusan bagi Program Khas
--------------	--

- 6.2. Bagi cagaran yang melibatkan tanah pajakan, tempoh bayaran balik pinjaman/pembayaran akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

7. HAD MAKSIMUM PINJAMAN/PEMBIAYAAN

- 7.1. Tertakluk kepada perenggan 7.2, jumlah maksimum pinjaman/pembayaran bagi setiap koperasi pada satu-satu masa ialah RM30 juta ke atas baki pokok.
- 7.2. Jumlah maksimum keseluruhan pinjaman/pembayaran bagi setiap koperasi yang masih belum selesai ialah RM30 juta yang dikira ke atas baki pokok.
- 7.3. Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh menentukan apa-apa jumlah maksimum yang difikirkan patut dan sesuai bagi mana-mana skim/produk khas yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- 7.4. Jumlah pinjaman/pembayaran maksimum bagi satu-satu projek hendaklah tidak melebihi 90% daripada kos projek.
- 7.5. Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh, atas permohonan koperasi, meluluskan pinjaman/pembayaran untuk aktiviti kredit hingga jumlah maksimum 100%.

8. BAYARAN PROSES DAN BORANG PINJAMAN/PEMBIAYAAN

- 8.1. Bayaran memproses permohonan pinjaman/pembayaran dari Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah pada kadar 0.2% dari jumlah pinjaman/pembayaran yang diluluskan tertakluk kepada:
 - i. Minimum – RM100.00
 - ii. Maksimum – RM3,000.00
- 8.2. Bagi membekal borang perjanjian pinjaman/pembayaran TMP-JPK RM1.00

- 8.3. Bagi membekal borang lampiran kepada borang gadaian 16A untuk
 TMP-JPK
 RM1.00
 (P.U.(A) 258 bth. 2 Julai 1998)

9. KADAR FAEDAH/KEUNTUNGAN

- 9.1. Kadar faedah/keuntungan tahunan atas baki bulanan adalah seperti berikut:

Amaun Pinjaman/Pembiayaan	Kadar Faedah/ Keuntungan
i. RM1,000,000 dan ke bawah	1%
ii. RM1,000,001 hingga RM3,000,000	2%
iii. RM3,000,001 hingga RM5,000,000	3%
iv. RM5,000,001 hingga RM7,000,000	4%
v. RM7,000,001 hingga RM10,000,000	5%
vi. RM10,000,001 hingga RM30,000,000	6%

- 9.2. Kadar keuntungan adalah bukan atas kumulatif pinjaman/pembiayaan yang diluluskan. Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh menetapkan kadar faedah/keuntungan berbeza bagi mana-mana skim/produk pinjaman/pembiayaan khas yang diperkenalkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

10. TEMPOH PENANGGUHAN (*GRACE PERIOD*)

Tempoh penangguhan bayaran balik tanpa faedah atau keuntungan yang boleh diberikan adalah tidak melebihi enam bulan. Bagi koperasi yang memohon mendapatkan tempoh penangguhan bayaran balik yang lebih daripada enam bulan, kadar faedah/keuntungan akan dikenakan bagi tempoh yang lebih itu.

11. CAGARAN/JAMINAN

- 11.1. Pinjaman/pembiayaan yang bernilai RM50,000.00 dan kurang dikenakan jaminan dalam bentuk simpanan tetap bank sebanyak 10% atas pembiayaan yang diluluskan. Jawatankuasa boleh meminta Koperasi mengemukakan cagaran tambahan jika didapati perlu.
- 11.2. Pinjaman/pembiayaan yang bernilai lebih daripada RM50,000.00 hendaklah dikenakan cagaran atau jaminan atau kedua-duanya sekali.

11.3. Jawatankuasa boleh memberikan pengecualian kepada mana-mana koperasi bagi apa-apa skim/produk baharu yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

12. BENTUK CAGARAN/JAMINAN

12.1. Bentuk atau jenis cagaran/jaminan yang boleh diterima ialah:

- a) hartanah
- b) simpanan tetap di bank/institusi kewangan.
- c) harta alih lain yang didapati sesuai oleh Jawatankuasa.
- d) Kenderaan
 - i. bagi pinjaman/pembentangan di bawah RM200,000.00, kenderaan sahaja.
 - ii. bagi pinjaman/pembentangan melebihi RM200,000.00, kenderaan dan cagaran tambahan dalam bentuk simpanan tetap sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman/pembentangan diluluskan.
- e) Surat kuasa serah hak bayaran yang telah dipersetujui oleh Biro Perkhidmatan ANGKASA dan agensi Kerajaan yang melaksanakan potongan gaji.

12.2 Koperasi boleh memohon untuk menukar bentuk cagaran dengan kelulusan bertulis Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Jawatankuasa boleh meluluskan pertukaran bentuk cagaran atau membatalkan terus kelulusan yang diberikan sebelum ini.

13. PERKARA BERKAITAN CAGARAN/JAMINAN

13.1. Nilai cagaran hendaklah nilai semasa dan tidak kurang daripada jumlah pinjaman/pembentangan. Bagi bangunan yang telah siap dan mempunyai Sijil Siap dan Pematuhan, laporan penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ke atas harta yang akan dicagarkan hendaklah dikemukakan. Bagi bangunan dalam pembinaan, laporan penilaian tidak diperlukan. Pinjaman/pembentangan yang boleh dipertimbangkan adalah tidak melebihi 90% harga belian yang ditetapkan dalam perjanjian jual-beli atau surat tawaran jualan, mana yang terendah.

- 13.2. Pinjaman/pembentangan untuk mendapatkan modal pusingan yang bercagarkan harta tanah, jumlah pinjaman/pembentangan yang boleh dipertimbangkan adalah tidak melebihi 90% daripada penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
- 13.3. Hartanah yang sedang dicagarkan (sama ada kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau institusi kewangan lain) bagi apa-apa pinjaman/pembentangan yang belum selesai sepenuhnya adalah tidak dibenarkan untuk dibuat cagaran kali kedua.
- 13.4. Hartanah yang dicagarkan adalah hak milik sepenuhnya oleh koperasi dan bebas daripada apa-apa pinjaman/pembentangan pembelian harta tanah dengan Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh dibuat cagaran kali kedua.
- 13.5. Koperasi boleh mengagarkan harta tanah milik anggota atau bukan anggota dengan syarat harta tanah itu bebas cagaran dan anggota atau bukan anggota itu telah membuat surat kuasa wakil kepada koperasi dan didaftarkan di bawah *Power Of Attorney Act 1949 [Akta 424]*. Surat kuasa wakil itu hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tujuan kemudahan pinjaman/pembentangan yang dimohon.

14. PELEPASAN CAGARAN

- 14.1. Pelepasan cagaran hanya dibenarkan setelah semua bayaran balik pinjaman/pembentangan diselesaikan.
- 14.2. Pelepasan sebahagian daripada cagaran adalah berdasarkan kepada amaun bayaran yang diterima dengan syarat nilai semasa baki cagaran yang ada hendaklah mencukupi untuk menampung baki pinjaman/pembentangan.

15. PELINDUNGAN INSURANS

Semua harta tetap yang dicagarkan untuk pinjaman/pembentangan hendaklah dilindungi oleh Insurans Komprehensif/Takaful sehingga pinjaman/pembentangan dijelaskan sepenuhnya.

16. BAYARAN BALIK PINJAMAN/PEMBIAYAAN

Bayaran balik pinjaman/pembentangan boleh dibuat secara kaedah berikut:

- a) bulanan.
- b) melalui penebusan ke atas cagaran/jaminan.

17. PINJAMAN/PEMBIAYAAN TAMBAHAN

- 17.1. Koperasi yang berkelayakan boleh membuat pinjaman/pembayaran tambahan dengan syarat jumlah pinjaman/pembayaran terdahulu yang dikira atas baki pokok pada satu-satu masa tidak melebihi RM30 juta dan rekod bayaran balik adalah baik dan tanpa tunggakan.
- 17.2. Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh meluluskan pinjaman/pembayaran tambahan oleh koperasi jika baki pokok jumlah pinjaman/pembayaran terdahulu yang dikira atas pada satu-satu masa melebihi RM30 juta dan rekod bayaran balik adalah baik dan tanpa tunggakan bagi skim/produk baharu yang diperkenalkan.

18. PEMULIHAN SEMULA PINJAMAN/PEMBIAYAAN

Atas sebab-sebab tertentu pemulihan semula pinjaman/pembayaran boleh dipertimbangkan mengikut kaedah seperti berikut:

- a) melanjutkan tempoh bayaran balik tanpa terikat dengan tempoh asal pinjaman/pembayaran.
- b) penjadualan semula tanpa melanjutkan tempoh.
- c) penstrukturran semula pinjaman/pembayaran.
- d) memberikan rebat/lbra' untuk penyelesaian awal.
- e) mengurangkan kadar faedah/keuntungan.
- f) penghapusan faedah/keuntungan.
- g) **Penetapan Keutamaan (*Priority Of Setting*)**
Kemudahan dalam bayaran balik pinjaman/pembayaran (termasuk kemudahan moratorium) adalah dengan menolak komponen pokok tertunggak dahulu sebelum menolak keuntungan faedah/keuntungan tertunggak sekiranya ada. Lebihan bayaran akan diagihkan kepada komponen 'Excess' secara automatik di dalam sistem.

19. HAPUSKIRA PINJAMAN/PEMBIAYAAN

Bagi tujuan menghapuskan pinjaman/pembayaran untuk koperasi yang telah dibubarkan dan diwartakan hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan.